

Headline	SSTMI lebur impian UniKL		
MediaTitle	Harian Metro(www.hmetro.com.my)		
Date	08 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Order Rank	7	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,100
Frequency	Daily	PR Value	MYR 3,300

SSTMI lebur impian UniKL

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8132792344&z=1600249637](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8132792344&z=1600249637)

Kuala Lumpur: Hasrat UniKL Young Guns menafikan kejuaraan liga kedua berturut-turut Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolt) lebur selepas tewas tipis 3-4 pada perlawanan terakhir Liga Hoki Remaja Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil semalam. Kedua-dua pasukan turun dengan misi mencatat kemenangan kerana keputusan seri hanya memberi laluan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merangkul kejuaraan liga buat kali pertama. "Pada awal permainan, peluang UniKL lebih cerah kerana mereka mempunyai masa rehat lebih lama. "Tetapi saya tetap minta setiap pemain untuk fokus dan pada lima minit terakhir, pemain berjaya menyerap tekanan lawan. Inilah kunci kejayaan mereka," kata jurulatih SSTMI, Wan Mohd Roslan Wan Abdul Rahman. UniKL di bawah bimbingan bekas pemain negara, K Embaraj begitu bersemangat untuk menghancurkan impian SSTMI apabila di depan seawal minit keenam menerusi gol padang Muhammad Azrul Hasbullah. Bagaimanapun, SSTMI tidak perlu menunggu lama untuk menyamakan kedudukan menerusi pukulan sudut penalti Azril Misron pada minit ke-14 sebelum di depan pada minit ke-27 menerusi jaringan Amir Zulkarnain A Robangi. Gol itu bagaimanapun tidak bertahan lama apabila pemain mereka, M Najmi Farizal Jazlan melakukan kesilapan dengan menjaringkan gol sendiri sekali gus menyaksikan kedudukan terikat 2-2. Azril menebus kesilapan rakan sepasukannya itu dengan menjaringkan gol ketiga SSTMI pada minit ke-31 hasil gerakan pukulan sudut penalti. Bersambung babak kedua, UniKL sekali lagi mengikat kedudukan apabila Muhd Syafiq Zulzairin menjaringkan gol pada pada minit ke-38. Ketika perlawanan dilihat bakal berakhir dengan keputusan seri, Amir Zulkarnain muncul wira SSTMI apabila menjaringkan gol kemenangan empat minit sebelum tamat perlawanan menerusi pukulan sudut penalti. "Kami tidak akan berputus asa dan akan cuba membalas dendam pada saingan kalah mati," kata Embaraj. Artikel ini disiarkan pada : 2013/